



UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

MAKLUMBALAS JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

MENGENAI *VIRAL* VIDEO UDANG CACING

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengambil perhatian ke atas *viral* video dalam Bahasa Mandarin, mengenai objek seperti cacing di bahagian kepala udang yang telah menimbulkan beberapa persoalan atau taksiran yang berbeza di kalangan netizen. Berdasarkan bahasa slanga yang digunakan berkemungkinan video tersebut adalah dari luar negara.
2. Bahagian Penyelidikan Perikanan, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah meneliti video tersebut dan mendapati spesimen udang di dalam video itu merupakan spesimen **udang laut dari jenis udang putih *Penaeus vannamei* (white leg shrimp)**. Berdasarkan warnanya, ianya adalah udang yang ditenak berusia sekitar 120-150 hari, bersaiz antara 30-50 gram berat badan dan telah mencapai umur matang untuk pembiakan.
3. Udang putih *Penaeus vannamei* adalah bukan spesies natif di perairan Malaysia dan ianya berasal dari perairan Latin Amerika khususnya di Mexico dan Peru. Sejak tahun 2004, spesies ini ditenak secara meluas melalui aktiviti akuakultur di Asia Tenggara dan kini merupakan spesies udang ternakan dan produk eksport utama di Malaysia.

4. Objek putih seperti cacing yang dikeluarkan dari bahagian kepala spesimen udang tersebut diyakini **BUKAN CACING** sebaliknya merupakan kelongsong *spermatozoa* (spermatid) dari udang matang jantan. Ianya tidak seperti kumpulan veterbrata lain seperti ikan, tidak motil dan tidak mempunyai flagelat. Sebelum dikeluarkan ianya tersimpan dalam kelongsong yang panjang, mirip kepada bentuk cacing. Sperma akan dipindahkan dari udang jantan kepada udang betina semasa proses mengawan. Aktiviti pembiakan aruhan biasanya akan mengeluarkan kelongsong sperma dari spesimen jantan dan membenam kelongsong tersebut kepada spesimen betina.
5. Maklumat biologi udang *Penaeus vannamei* yang mempunyai sistem penghadaman dan sistem pembiakan yang terletak di bahagian kepala (Cephalothorax). Di segmen ini juga terletaknya kaki jalan atau PREOPODA (lima pasang), lokasi di mana terletaknya organ luaran jantina udang. Sistem pembiakan jantan (PETASMA) dan sistem pembiakan betina (TELIKUM) terletak antara kaki ke 4 dan ke 5 preopoda.
6. DOF berharap agar orang ramai **tidak kkuatir terhadap pengeluaran udang dari sumber akuakultur dan dinasihatkan supaya tidak mengambil kepala udang** secara berlebihan kerana bahagian tersebut mengandungi perut utama yang menerima dan menyimpan pelbagai sumber organik.
7. Di bawah program Aquaculture Residue Monitoring Plan (ARMP), DOF akan terus meningkatkan pemantauan kualiti ikan/udang di peringkat ladang bagi memastikan hasil ternakan akuakultur adalah bebas dari kesan pencemaran dan selamat untuk dimakan.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya


13 Ogos 2018 (Isnin) jam 5:00 petang

Sebarang pertanyaan sila hubungi:-



No. Tel : 012-3569344 (Yazeereen)

013-6317313 (Sharir)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my



Rajah 1: Gambar skematik morfologi udang Penaeid dan organ pembiakan



Rajah 2: Organ pembiakan dalam udang Penaeid menunjukkan kantung sperma